

## **METODOLOGI DAKWAH PENDAKWAH TERHADAP SAUDARA BARU [KAJIAN DI PERKIM KUALA LUMPUR]**

Dr. Zikmal Fuad  
Fakulti Pengajian Peradaban Islam  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
*zikmal@kuis.edu.my*

Noorhafifah Binti Ismail

### **ABSTRAK**

Saudara baru adalah insan yang dipilih Allah SWT yang dijinakkan hati untuk menerima Islam. Mereka memerlukan bimbingan dan tunjuk ajar yang berterusan khususnya berkaitan dengan Islam supaya mereka dapat memahami konsep ajaran agama Islam secara menyeluruh seterusnya dapat mengamalkannya dengan cara yang betul. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji dan melihat metode dakwah yang dilaksanakan kepada golongan saudara baru di PERKIM. Metodologi kajian adalah berbentuk kualitatif yang menggunakan kaedah temubual kepada responden yang terdiri daripada pegawai di PERKIM Kuala Lumpur. Hasil kajian mendapati bahawa PERKIM sebagai sebuah badan dakwah benar-benar berperanan bertepatan dengan objektif penubuhan PERKIM malah sumbangan PERKIM begitu besar dalam dakwah. Ini kerana PERKIM telah melibatkan diri, dalam segenap aspek dakwah kepada saudara baru. Begitu juga dengan metode yang digunakan oleh PERKIM amat berkesan untuk mendidik dan memantapkan saudara baru dengan ajaran Islam. Diharapkan kajian ini dapat memberikan panduan dan menjadi acuan dalam melaksanakan metode dakwah terhadap saudara baru supaya mereka dapat memantapkan keimanan dan kepercayaan terhadap agama Islam.

**Kata Kunci:** *Metodologi Dakwah, Saudara Baru, PERKIM Kuala Lumpur*

### **Pendahuluan**

Dalam menyampaikan dakwah kepada saudara baru, pihak PERKIM Kuala Lumpur menggunakan beberapa strategi dan pendekatan untuk mencapai matlamat dan tujuan dakwah. Al-Quran telah menjelaskan berkaitan panduan bagi aplikasi pendekatan penyampaian mesej dakwah terhadap masyarakat. Dalam menyampaikan dakwah kepada saudara baru, pihak PERKIM Kuala Lumpur menggunakan beberapa strategi dan pendekatan untuk mencapai matlamat dan tujuan dakwah. Al-Quran telah menjelaskan berkaitan panduan bagi aplikasi pendekatan dakwah supaya mesej dakwah yang ingin disampaikan kepada masyarakat mudah diterima oleh sasaran dakwahnya. Berasaskan kepada keadaan, situasi dan pelbagai jenis serta status sasaran dakwah maka Allah SWT mengajarkan para Rasul khususnya dan pendakwah amnya asas-asas metodologi dakwah dalam aplikasi pendekatan untuk mengeluarkan manusia dari kegelapan jahiliah kepada cahaya Islam.

Berikut adalah beberapa metodologi yang digunakan pendakwah kepada saudara baru:

### **Dakwah bi al-Lisan**

Dakwah bi al-Lisan merupakan satu seruan atau ajakan yang mempunyai kaitan secara langsung dengan ucapan dan kata-kata. Manusia diberikan anugerah sebagai makhluk yang boleh berkata-kata untuk menyampaikan sesuatu hajat atau bertanyakan perkara-perkara yang boleh merunsingkan fikirannya, menyampaikan dakwah Islamiah juga tidak terkecuali dalam perkara itu.

Bahasa dakwah penting untuk diketahui oleh setiap pendakwah supaya mesej dakwah yang disampaikan mudah difahami dengan baik. Bahasa juga memainkan peranan penting kerana ia boleh mempengaruhi perasaan dan pemikiran mad'u ke arah melakukan kebaikan, mencegah daripada melakukan kemungkaran serta mendekatkan diri kepada Allah SWT. Pemilihan bahasa yang menarik dan bersesuaian dengan golongan saudara baru dapat menarik minat seseorang mad'u terhadap ayat yang disampaikan. Mereka akan berasa lebih selesa dan terbuka untuk berkongsi pandangan dan pendapat. (Mariam Abd.Majid, Marlon Pontino Guleng, 2014)

Terdapat beberapa metode dakwah bil al-Lisan yang digunakan pendakwah PERKIM dalam menyampaikan dakwahnya, antaranya ialah melalui:

#### **a) Kelas Pengajian**

Pendidikan adalah merupakan teras utama dalam menyampaikan dakwah kepada saudara baru. Pendidikan yang berteraskan kepada al-Quran dan al-Sunnah dapat membawa golongan saudara baru dalam mengenali agama Islam secara mendalam. PERKIM Kuala Lumpur menyediakan kelas pengajian kepada saudara baru yang memeluk agama Islam. Disinilah metode dakwah bi al-lisan diaplikasikan kepada saudara baru. Mereka akan diajarkan tentang asas agama Islam didalam kelas-kelas pengajian yang diadakan. Antara subjek yang diajarkan ialah aqidah, akhlak, feqah, al-Quran dan sirah. Asas pembelajaran ini diterapkan dalam meningkatkan kefahaman mereka mengenai kehidupan Islam yang sebenar. (Muhammad Jais Mariappan, 2019)

#### **b) Kaunseling**

Dalam proses untuk menyesuaikan diri dengan budaya dan agama baru, saudara baru atau muallaf sudah pasti mengalami pelbagai tekanan sehingga mengganggu emosi dan psikologi mereka. Oleh itu, sokongan sosial dari pendakwah dan kaunselor Muslim amat penting.

Metode dakwah bil al-Lisan juga diaplikasikan oleh pendakwah PERKIM melalui proses kaunseling. Salah satu cara untuk merawat emosi yang terganggu ialah melalui kaunseling Islam yang menerapkan nilai-nilai dakwah ketika proses kaunseling dijalankan. Kaunseling yang diberikan akan merujuk kepada penyelesaian mengikut panduan dan hukum yang telah ditetapkan dalam Islam. Pendakwah akan membantu menggunakan pelbagai cara dan kaedah untuk membantu dan meringankan beban yang ditanggung oleh saudara baru sehinggalah masalah tersebut dapat diselesaikan. Kata-kata dan nasihat yang berunsurkan dakwah dapat menenangkan hati dan perasaan yang dihadapi oleh saudara baru. Antara jenis kaunseling yang diberikan kepada saudara baru ialah seperti kaunseling mengenai cara hidup islam, perkahwinan, masalah-masalah berkaitan keluarga dan sebagainya. (Mohd Farhan Tee Abdullah, 2019)

#### **c) Ziarah**

Aktiviti ziarah merupakan aktiviti yang sangat dituntut dalam Islam. Islam amat menggalakkan umatnya saling menziarahi antara satu sama lain kerana ia adalah medium menghubungkan dan

merapatkan lagi ikatan persaudaraan sesama Islam sebagai salah satu usaha untuk memperbaiki dan mempertingkatkan ikatan silaturahim sesama insan, sebagaimana firman Allah SWT : “*Sesungguhnya orang-orang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.*” (Surah Al-Hujuraat, ayat 10).

Aktiviti ziarah-menziarahi bukan hanya untuk merapatkan hati antara manusia malah ia adalah jalan untuk mendapat kasih sayang dan rahmat daripada Allah SWT. Pendakwah di PERKIM bukan sahaja turun menziarahi golongan saudara baru namun disamping itu mereka turut menyampaikan dakwah mereka kepada golongan ini. Disamping amalan menziarahi, mereka turut berdakwah dengan cara menyelitkan cerita tentang agama Islam kepada saudara baru untuk memantapkan lagi keimanan mereka terhadap Islam. Selain itu, mereka juga diberikan kata-kata nasihat dan semangat untuk meneruskan hidup sebagai seorang muslim. Metode dakwah bi al-lisan melalui aktiviti ziarah ini sangat berguna dan penting untuk menarik saudara baru atau muallaf supaya mengenali dan memahami Islam dengan lebih mendalam. Ia juga merupakan tanda kesungguhan para pendakwah dalam berdakwah kepada saudara baru atau muallaf. (Mohd Farhan Tee Abdullah, 2019)

Terdapat beberapa program ziarah yang telah dilakukan oleh pendakwah PERKIM, antaranya:

- i. Program bersama masyarakat Orang Asli di Rembau, Negeri Sembilan
- ii. PERKIM dekati Orang Asli Sinderut
- iii. PERKIM santuni pesakit Orang Asli, eratkan silaturrahim
- iv. PERKIM hulur bakti di Bukit Siput

### **Dakwah bi al-Kitabah**

Metode dakwah melalui bi al-Kitabah merupakan suatu seni pendekatan dakwah dan suatu bentuk jihad melalui tulisan. Ia menumpukan usaha menyampaikan mesej Islam melalui lisan. Karya-karya dakwah yang dihasilkan akan disebarkan kepada khalayak massa bagi menyalurkan kefahaman dakwah kepada pembaca. Dengan itu, pembaca akan mendapat maklumat berhubung Islam, seterusnya dapat memberikan kefahaman yang jelas terhadap sesuatu isu yang dibincangkan.

Dakwah al-Kitabah ini adalah antara metode yang popular di kalangan pendakwah, tidak kira waktu dan zaman. Objek dan cakupan dakwah al-Kitabah ini lebih bersifat meluas kerana mesej dakwah yang disampaikan dan informasi tentang ajaran Islam yang dituliskan dapat dibaca oleh ramai pembaca daripada pelbagai golongan masyarakat. Pendakwah di PERKIM menggunakan metode dakwah bi al-Kitabah dalam dakwahnya, antaranya ialah melalui:

#### **a) Media Cetak**

Media cetak adalah antara saluran atau instrumen dakwah yang mampu menyampaikan mesej dakwah dengan berkesan. Hal ini kerana, sifat media cetak itu sendiri yang mampu menarik perhatian khalayak membuat medium ini sering mendapat tumpuan masyarakat. Bagi dakwah, kewujudan media cetak ialah suatu kesempatan untuk para pendakwah menyebarkan dakwah kepada masyarakat umum.

Dakwah masa kini melalui media cetak adalah langkah yang tepat, kerana dengan adanya media cetak, sebarang maklumat atau dakwah yang hendak disampaikan akan lebih cepat diterima oleh orang ramai.

i. Majalah dan Pamphlet

Majalah juga antara pilihan yang bagi menyalurkan mesej dakwah. Hal ini kerana, sifat majalah yang menarik, pelbagai warna dan ilustrasi dengan pelbagai segmen tertentu membuatkan majalah menjadi saluran keagamaan. PERKIM Kuala Lumpur juga ada menerbitkan beberapa majalah dan pamphlet di laman web nya bagi tujuan memudahkan muallaf membaca pada waktu yang terluang. (<https://www.perkim.net.my/>, n.d.)

Antaranya senarai majalah yang telah dikeluarkan:

- i. Articles of Faith
- ii. Come Closer to Allah
- iii. Bimbingan Asas Fardhu Ain (Ver1&2)
- iv. Bimbingan Asas Fardhu Ain (Bahasa Tamil)

Antara senarai pamphlet yang telah dikeluarkan:

- i. The Foundation Of Islam (Mandarin)
- ii. Eating In Islam
- iii. Prayer In Islam (Japanese)
- iv. Who Is Allah (Russia), (German), (Tagalog), (Korean), (French)
- v. Embracing In Islam (Span)
- vi. Siapakah Allah
- vii. Islam In Japan

Menurut (Mohd Farhan Tee Abdullah, 2019), terdapat lebih 45 tajuk yang dikeluarkan untuk pamphlet. Selain itu, PERKIM Kuala Lumpur juga mengeluarkan buletin PERKIM, ia dikeluarkan selama empat bulan sekali. Buletin ini memaparkan tentang aktiviti-aktiviti dakwah yang dijalankan oleh PERKIM.

Majalah, pamphlet dan buletin adalah salah satu media komunikasi sesama manusia dalam menyampaikan mesej-mesej yang diingini. Cara dakwah dalam bentuk media dapat meninggalkan ajaran dan nilai-nilai ajaran agama, agar mesej-mesej dakwah dapat diterima baik oleh golongan saudara baru.

**b) Media Baharu**

Seiringan dengan teknologi yang semakin canggih pada masa kini, penggunaan internet juga menjadi aspek yang penting dalam kehidupan seharian. PERKIM menggunakan internet sebagai salah satu medium utama untuk menyampaikan info dan maklumat yang berguna contohnya tentang agama Islam, tentang fungsi dan matlamat penubuhan PERKIM, aktiviti dan program yang telah dijalankan dan pelbagai lagi info yang menarik melalui media baharu yang digunakan seperti Twitter PERKIM, Facebook PERKIM, Instagram PERKIM Dan Youtube PERKIM. Ini merupakan salah satu usaha dakwah yang dilakukan oleh PERKIM. Masyarakat masa kini dengan mudah boleh memperoleh maklumat yang ingin diketahui dengan mudah dan cepat. (<https://www.perkim.net.my/>, n.d.)

Hakikatnya, penggunaan media sebagai alat penyaluran mesej dakwah telah mencapai tahap penggunaan yang baik dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Dengan itu, berasaskan implikasi yang baik kepada masyarakat, maka tidak hairanlah bahawa media masih menjadi pilihan para pendakwah untuk terus menyampaikan mesej dakwah kepada sasaran, khususnya di Malaysia.

### **Dakwah bi al-Hal**

Metode dakwah bi al-hal berasaskan waqi' antara metode dakwah yang sering diaplikasikan oleh pendakwah dalam masyarakat di Malaysia. Fleksibiliti dakwah al-Hal diukur berasaskan cara hidup dan suasana yang berlaku dalam sesuatu masyarakat. Dakwah bi al-Hal lazimnya dilaksanakan dalam ruang lingkup penerapan nilai-nilai Islam dalam amalan dan cara hidup sesuatu masyarakat. Oleh yang demikian, dakwah bi al-Hal sering menumpukan usaha-usaha pembinaan akhlak baik dalam kalangan penerapan amalan bersatu-padu, toleransi, nilai teladan baik, tolong-menolong, menghormati orang lain, dan sebagainya. Lazimnya, pendakwah yang mengamalkan dakwah bi al-Hal perlu memperteguh diri dengan amalan, akhlak, dan nilai yang baik, sebelum sering menjadi contoh ikutan sasaran dakwah. (Ab Aziz Mohd Zin, 2006)

Di Malaysia, pendekatan dakwah bi al-Hal dilaksanakan dalam beberapa amalan, sama ada pendekatan ini dikemukakan kepada masyarakat Islam atau masyarakat bukan Islam. Dalam mencapai keberhasilan aktiviti dakwah Islam, banyak metode dakwah yang dapat dipilih dan digunakan, salah satunya adalah metode yang dicontohkan oleh Nabi Muhammad SAW iaitu dakwah bi al-Hal. Dakwah tidak terbatas pada menyampaikan ceramah di masjid-masjid, memberi tazkirah di surau-surau atau berpidato di hadapan ribuan orang. Sebaliknya, dakwah merangkumi usaha-usaha dalam membentuk tingkah laku dan gaya hidup seseorang, membentuk manusia untuk memiliki akhlak yang mulia, tutur kata yang baik, kasih sayang antara sesama makhluk, berlaku jujur, kegigihan dalam bekerja, berani menegakkan keadilan, bijaksana dalam menangani masalah, sabar ketika dilanda musibah, teguh dan setia menanggung duka dan derita serta istiqamah dalam setiap pekerjaan berupa amal kebaikan.

Dalam menyampaikan dakwah, Nabi Muhammad SAW tidak hanya bertabligh, mengajar, atau mendidik dan membimbing tetapi juga sebagai uswah al-Hasanah. Baginda juga memberikan contoh dalam pelaksanaannya, sangat memperhatikan dan memberikan arahan terhadap kehidupan sosial, ekonomi, seperti dalam bidang pertanian, penternakan, perdagangan, dan sebagainya. Dakwah Nabi Muhammad SAW ketika berada di Mekah penuh dengan pengorbanan ancaman akibat penentangan dan cubaan pembunuhan. Begitu juga ketika berada di Madinah, Nabi SAW dan para sahabat berusaha untuk memartabatkan kehidupan mereka dalam pelbagai bidang seperti sosial, ekonomi politik dan sebagainya. Al-Qudwah al-Hasanah bagi pendakwah merupakan metode penting untuk sampai kepada matlamat dakwah, kejayaan dakwah oleh para pendakwah zaman dahulu adalah disebabkan pendekatan manhaj ini. (Marlon P.Guling, 2016)

Ada beberapa bentuk dakwah bi al-Hal yang digunakan di PERKIM Kuala Lumpur antaranya ialah:

### **a) Pembangunan Pendidikan**

Al-Qur'an merupakan sumber pendidikan dan ilmu pengetahuan yang memberikan panduan dan pedoman kepada manusia. Kitab al-Qur'an dengan ajaran-ajaran yang dibawanya membawa satu pemahaman yang baru mengenai pendidikan dan berusaha mengajak para ilmuwan untuk sentiasa menggali maksud isi kandungannya agar manusia lebih dekat kepada-Nya.

Pendidikan adalah asas utama dalam usaha untuk memberi kefahaman tentang Islam kepada muallaf. Dakwah melalui pendidikan juga penting bagi golongan muallaf kerana permulaan bagi sesebuah kefahaman itu bermula daripada pendidikan. Pendidikan yang bagus serta mempunyai sistem yang teratur akan menarik minat serta memudahkan muallaf atau golongan saudara baru ini terus belajar mengenai agama baru yang dianutnya. Selain itu, dari sinilah muallaf akan dapat mempelajari serta mendalami ajaran Islam yang sebenar melalui bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan oleh para pendakwah. (Muhammad Jais Mariappan, 2019).

Pembangunan muallaf dari aspek pendidikan merupakan salah satu kompenan yang sangat penting kerana golongan ini sangat memerlukan ilmu pengetahuan dalam mengamalkan kehidupan Islam. Golongan ini akan hilang arah jika tidak diberikan pendidikan yang sempurna menerusi pendidikan yang berterusan. PERKIM bertindak mewujudkan kelas pengajian harian setiap hari. Kelas bimbingan ini diadakan pada setiap hari bertujuan memudahkan mereka untuk belajar mengikut kesesuaian masa dan hari. Antara subjek yang diajarkan ialah aqidah, akhlak, feqah, al-Quran dan sirah. Asas pembelajaran ini diterapkan dalam meningkatkan kefahaman mereka mengenai kehidupan Islam yang sebenar.

PERKIM telah menganjurkan beberapa aktiviti yang melibatkan aspek pendidikan antaranya ialah perkhidmatan bimbingan perseorangan iaitu permintaan dari seseorang yang memerlukan bimbingan sama ada baru memeluk Islam atau yang asal Islam. Bimbingan ini bebas memilih waktu. Antara subjek yang diajarkan ialah asas-asas fardhu ain, praktikal solat, praktikal wudhuk, pengajian al-quran dan tajwid serta menjawab soalan-soalan yang mendatangkan kemusykilan kepada individu yang datang meminta tunjuk ajar. Selain itu, terdapat juga bimbingan kelas mingguan dan bulanan yang lebih bersifat pengajian secara berterusan yang dipimpin oleh panel-panel jemputan dikalangan ahli-ahli agama yang berwibawa dan terdiri daripada pensyarah-pensyarah universiti tempatan. Walau bagaimanapun, fokus utama pembangunan pendidikan bukan hanya tertumpu kepada kelas dan pengajian sahaja, ada juga beberapa aktiviti yang melibatkan bengkel kesukarelawanan dan perancang aktiviti dakwah, kem motivasi pelajar cemerlang, kursus pengislaman kakitangan dan pegawai, kursus intensif saudara muslim, penganugerahan pelajar cemerlang, seminar makanan halal dan sebagainya. (Muhammad Jais Mariappan, 2019)

### **b) Akhlak**

Pendekatan ini dikenali dengan qudwah hasanah (contoh tauladan yang baik). Kewajiban dan tanggungjawab ini perlu dilaksanakan bukan sahaja oleh setiap pendakwah tetapi juga umat Islam. Sebagaimana nabi dan utusan yang mendapat bimbingan Allah, Rasulullah SAW merupakan model pendakwah terbaik yang berdakwah melalui akhlak mulia. Gambaran sifat mulia baginda pernah dirakamkan oleh Khadijah melalui kata-katanya yang memuji Rasulullah SAW sebagai seorang yang suka menghubungkan silaturahim, sentiasa berkata benar apabila bercakap, menunaikan amanah, suka menolong mereka yang berada di dalam kesusahan dan ditimpa

musibah serta selalu menghormati tetamu. (Azizul Azra Bin Abdul Razak, Mohd Hisyam Bin Abdul Rahim, 2018)

Dengan yang demikian, dakwah qudwah hasanah (suri tauladan) terlaksana dengan cara membentuk akhlak pendakwah kemudian barulah disusuli dengan penyampaian dakwah kepada sasaran dakwah. Ini adalah lebih berkesan kerana para da'i akan lebih percaya pada diri mereka sebelum melakukan penyampaian dakwah setelah keberhasilan yang berlaku pada diri pendakwah sendiri. Para pendakwah perlulah mempunyai sikap peramah, sabar, senang bergaul, amanah dan perlu mencontohi sikap Rasulullah SAW dalam melaksanakan metode dakwah bi al-hal melalui qudwah hasanah. (Muhammad Jais Mariappan, 2019)

### **c) Kebajikan dan Hal Ehwal Sosial**

PERKIM sebagai pertubuhan kebajikan berfungsi untuk memberi bantuan kepada masyarakat Islam terutama kepada masyarakat Islam terutama kepada golongan muallaf yang baru memeluk Islam. Bantuan ini diberikan kepada mereka untuk memulakan kehidupan baru setelah memeluk agama Islam terutama yang sedang menghadapi kesusahan, disisih keluarga dan sebagainya. PERKIM bertanggungjawab memelihara golongan muallaf agar tidak terjerumus kepada terpesong aqidah dan dapat meningkatkan keimanan kepada Allah SWT.

Menurut (Mohd Farhan Tee Abdullah, 2019), terdapat beberapa bantuan dan khidmat yang dilaksanakan bagi membantu golongan muallaf yang berada dalam kesusahan. Antara perkhidmatan yang dilaksanakan bagi membantu golongan muallaf yang berada dalam kesusahan ialah:

#### **i. Bantuan Kecemasan**

Bantuan kecemasan adalah bantuan sementara yang diberikan mengikut prosedur permohonan yang telah dikemukakan. Bantuan akan diluluskan mengikut penilaian pegawai kebajikan berdasarkan sebab-sebab memohon, manakala permohonan seterusnya seperti bantuan bulanan, bantuan pendidikan, bantuan memulakan perniagaan akan diunjurkan kepada Baitul Mal dan Pusat Zakat.

#### **ii. Bantuan Persekolahan**

Pada setiap tahun pihak PERKIM akan menganjurkan program bagi menjemput beberapa anak-anak muallaf yang memerlukan bagi mendapat bantuan persekolahan. Anatar peralatan persekolahan yang diberikan kepada anak-anak muallaf ialah baju dan kasut sekolah, beg, alat tulis, dan wang bagi menampung perbelanjaan pelajar sebelum bermulanya sesi persekolahan.

#### **iii. Program Ziarah Hospital**

PERKIM menganjurkan program ziarah hospital bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada sukarelawan dalam menerapkan nilai-nilai baik sesama Islam sekaligus menggembarakan para pesakit tanpa mengira kaum, bangsa, dan agama walaupun dengan sumbangan yang sedikit. Dalam masa yang sama pihak PERKIM bukan sahaja datang menziarahi malahan turut juga memberikan dakwah tentang Islam. Ini merupakan salah satu cara untuk mendekati masyarakat. Antara hospital yang sering dijadikan sasaran ialah pusat perubatan universiti malaya (PPUM), hospital selayang dan hospital-hospital yang berdekatan dengan PERKIM.

iv. Sumbangan Aidil Fitri

Sebelum menyambut Aidil Fitri, golongan muallaf diberikan sumbangan bagi menampung keperluan mereka untuk menyambut kedatangan Hari Raya Aidil Fitri. Penyerahan sumbangan diadakan di surau bangunan PERKIM. Kriteria yang diambil kira bagi penerima sumbangan ini ialah fakir, miskin, memerlukan bantuan, menghadiri kelas dan mengetahui asas fardhu ain.

**d) Asrama Darul Falah (ASDAF)**

PERKIM telah memilih kanak-kanak dari kalangan masyarakat Asli untuk bersekolah di bandar. Atas seba inilah, PERKIM telah menubuhkan sebuah asrama di Kuala Lumpur yang dinamakan Asrama Darul Falah (ASDAF). ASDAF telah ditubuhkan pada 19 Ogos 1995 di mana pengambilan pertama adalah 6 orang pelajar terdiri 4 lelaki dan 2 perempuan dari suku Semelai di Negeri Sembilan. Sekarang, bangunan ASDAF telah didiami lebih kurang 60 orang pelajar dari suku Semai, Bateq, Mahmeri, Semelai, Temuan dan Temiar. Kebanyakan daripada mereka adalah anak yatim dan datang daripada keluarga yang kurang berkemampuan.

**Rujukan**

- Ab Aziz Mohd Zin. (2006). *Dakwah Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Azizul Azra Bin Abdul Razak, Mohd Hisyam Bin Abdul Rahim. (2018). Falsafah Dakwah Bil Hal: Menurut Perspektif Al-Quran. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*.
- Mariam Abd.Majid, Marlon Pontino Guleng. (2014). Masjid Dan Metodologi Dakwah Terhadap Masyarakat Multi Etnik Di Malaysia: Sorotan Awal.
- Marlon P.Guling. (2016). *Metodologi Dakwah Dr.Yusuf al-Qaradawi dan Pengaruhnya Di Kalangan Mahasiswa Pengajian Islam*.
- Muhammad Farhan Tee Abdullah. (2018). *Metodologi Dakwah Yang Digunakan Di PERKIM Kuala Lumpur*. Temubual
- Muhammad Jais Mariappan. (2018, Februari 20) Metodologi Dakwah Yang Digunakan Di PERKIM Kuala Lumpur. Temubual.
- PERKIM://www.perkim.net.my/: <https://www.perkim.net.my/media/buku-majalah/>